



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN

KAJIAN TENAGA KERJA 2019

*REPORT OF
THE LABOUR FORCE SURVEY 2019*

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Statistics
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2019

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan **Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2019** yang berdasarkan data muktamad dari hasil kajian tersebut. KTK 2019 telah dikendalikan mulai 14 Oktober hingga 10 November 2019.
2. Objektif utama KTK 2019 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.
3. Kajian ini telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematis dan metodologi yang digunakan oleh International Labour Organisation (ILO). Data yang diperolehi daripada keluarga tersebut telah disesuaikan melalui proses *extrapolation and calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isirumah biasa di Negara Brunei Darussalam. Hasil KTK 2019 menunjukkan terdapat kira-kira 94,600 buah keluarga atau isirumah dan seramai 370,000 orang berumur 15 tahun ke atas.
4. Antaralain intisari yang dimuatkan dalam laporan ini adalah seperti berikut:
 - Pada tahun 2019, kadar penyertaan tenaga kerja telah menurun kepada 64.3 peratus daripada 65.4 peratus pada tahun 2018. Kadar penyertaan bagi lelaki

adalah lebih tinggi sebanyak 72.5 peratus berbanding dengan perempuan 54.8 peratus.

- Jumlah penduduk yang bekerja adalah seramai 221,700 orang, terdiri dari 135,800 orang lelaki (61.3 peratus) dan 85,900 orang perempuan (38.7 peratus).
- Daripada jumlah penduduk yang bekerja, pekerja tempatan merupakan bahagian terbesar sebanyak 66.5 peratus (147,400 orang), manakala sebanyak 33.5 peratus (74,300 orang) adalah pekerja asing.
- Taburan penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan adalah seperti berikut:
 - Pekerja sebanyak 91.0 peratus (201,800 orang);
 - Bekerja Sendiri sebanyak 5.5 peratus (12,100 orang);
 - Majikan 2.7 peratus (6,000 orang); dan
 - Pekerja Keluarga 0.8 peratus (1,800 orang).
- Seramai 74,900 orang (33.8 peratus) bekerja di sektor kerajaan yang termasuk aktiviti pentadbiran awam dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, elektrik dan air. Manakala, seramai 146,800 orang (66.2 peratus) bekerja di sektor swasta.
- Jenis aktiviti ekonomi yang meliputi kedua-dua sektor kerajaan dan swasta menunjukkan bahawa pentadbiran awam menyumbang bahagian terbesar iaitu sebanyak 19.0 peratus (42,000 orang). Ini diikuti oleh perdagangan borong dan runcit seramai 16.0 peratus (35,500 orang) dan aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan 9.6 peratus (21,300 orang).
- Taburan penduduk bekerja mengikut jenis pekerjaan pula adalah seperti berikut:
 - Pekerja perkhidmatan dan jualan menyumbang bahagian terbesar dengan 20.2 peratus (44,900 orang);
 - Pekerja profesional 17.5 peratus (38,800 orang); dan

- Pekerjaan asas sebanyak 15.8 peratus (35,000 orang).
- Purata pendapatan sebulan dari semua pekerjaan pada tahun 2019 adalah BND 1,626 bagi seorang berbanding BND1,593 pada tahun 2018. Pekerja tempatan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi sebanyak BND1,812 secara purata, berbanding BND1,261 bagi pekerja asing.
 - Kadar pengangguran pada tahun 2019 telah menurun kepada 6.8 peratus daripada 8.7 peratus pada tahun 2018. Jumlah penduduk yang menganggur adalah kira-kira seramai 16,200 orang, berbanding 19,200 orang pada tahun 2018; dan
 - Jumlah penduduk tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap) menganggur yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah seramai 15,600 orang, di mana 38.4 peratus (6,000 orang) berumur 18 hingga 24 tahun; dan lebih dari separuh (61.6 peratus atau 9,600 orang) berumur di antara 25 hingga 64 tahun.
5. JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.
6. Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2019 boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:
- | | | |
|----------------|---|--|
| Telefon | : | 2230265 atau 2230250 (waktu pejabat) |
| E-mel | : | info.statistics@jpes.gov.bn |
| Laman sesawang | : | www.deps.gov.bn |



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

REPORT OF THE LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2019

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy has released the Report of the Labour Force Survey (LFS) 2019 based on the final data from the survey. LFS 2019 was conducted starting from 14 October to 10 November 2019.*

2. *The main objective of LFS 2019 was to collect latest information on the size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force in the country.*

3. *The survey covered about 3,200 selected households throughout the country using systematic sampling method and the methodology used by The International Labour Organization (ILO). The data obtained from the selected households were extrapolated according to the sampling weights and then calibrated to represent the total population living in regular households in Brunei Darussalam. The LFS 2019 results showed that there was a total of about 94,600 households and 370,000 persons aged 15 years and over.*

4. Among the main findings included in the report are as follows:

- In 2019, the labour force participation rate decreased to 64.3 per cent from 65.4 per cent in 2019. The rate for male was considerably higher at 72.5 per cent than that for female at 54.8 per cent.
- The total number of employed persons was 221,700 persons, comprising 135,800 males (61.3 per cent) and 85,900 females (38.7 percent).
- Out of the overall total number of employed persons, local workers accounted for the largest share of 66.5 per cent (147,400 persons), while 33.5 per cent (74,300 persons) were non-local workers.
- The distribution of employed persons by their employment status was as follows:
 - Employees comprising of 91.0 per cent (201,800 persons);
 - Own-account workers at 5.5 per cent (12,100 persons);
 - Employers 2.7 per cent (6,000 persons); and
 - Family workers 0.8 per cent (1,800 persons).
- A total of 74,900 persons (33.8 per cent) were employed in the government sector which included the activities of public administration and government services such as education, health, electricity and water services. Meanwhile, around 146,800 persons (66.2 per cent) were employed in the private sector.
- Employment by type of economic activity, which covered both the government and private sectors, shows that the public administration contributed the largest share at 19.0 per cent (42,000 persons). This was followed by wholesale and retail trade 16.0 per cent (35,500 persons), and accommodation and food service activities 9.6 per cent (21,300 persons).

- *The distribution of the employed persons by occupation shows that:*
 - *Service and sales workers accounted for the highest share of 20.2 per cent (44,900 persons);*
 - *Professionals 17.5 per cent (38,800 persons); and*
 - *Workers in elementary occupation at 15.8 per cent (35,000 persons).*
 - *The average monthly income from all work in 2019 was BND1,626 per employed person compared to BND1,593 in 2018. The local workers earned a higher income of BND1,812, while the non-local workers earned BND1,261 per month on average.*
 - *The unemployment rate in 2019 decreased to 6.8 per cent from 8.7 per cent in 2018. The total number of unemployed was around 16,200 persons, compared to 19,200 persons in 2018.*
 - *The total number of local unemployed (Brunei Citizen and Permanent Residents) aged 18 years old and over was 15,600, of which 38.4 percent (6,000 persons) aged between 18 to 24 years, and more than half (61.6 per cent or 9,600 persons) were between the ages of 25 to 64 years.*
5. *JPES would like to take this opportunity to express our appreciation to the selected households in LFS 2019 for their cooperation throughout the survey period.*
6. *The Report of the Labour Force Survey (LFS) 2019 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*
- | | | |
|------------------|----------|---|
| <i>Telephone</i> | <i>:</i> | <i>2230265 or 2230250 (office hours)</i> |
| <i>E-mail</i> | <i>:</i> | <i>info.statistics@jpес.gov.bn</i> |
| <i>Website</i> | <i>:</i> | <i>www.deps.gov.bn.</i> |